

Headline	Pokok-pokok di ibu kota perlu pengurusan profesional		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Mar 2018	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	26	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	247 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,927
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,781



Pokok-pokok di ibu kota perlu pengurusan profesional

KUALA LUMPUR 7 Mac - Penyelenggaraan serta pemantauan secara bersistematik perlu dilakukan ke atas pokok-pokok di kawasan bandar untuk mengesan tahap kemerosotan pokok yang boleh mengundang bahaya kepada orang ramai.

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Abd Latif Mohmod berkata, kaedah pengurusan yang profesional perlu dilaksanakan kerana tahap kesihatan pokok di kawasan bandar lebih terdedah kepada gangguan persekitaran.

"Antara masalah utama yang berlaku kepada pokok-pokok yang sudah berusia dan yang bersaiz besar adalah gangguan serta tekanan yang berpunca daripada pembangunan di sekeliling.

"Jadi kita perlu memahami bagaimana pokok bertindak balas (tree behaviour) terhadap gangguan untuk membolehkan tindakan sewajarnya dilakukan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Bagaimanapun Abd Latif berkata, keperluan langkah itu bukan hanya dilaksanakan untuk memotong pokok yang ada sebaliknya untuk terus memelihara pokok-pokok yang tidak memberi risiko supaya kekal sihat dan mampu memberi sumbangan sebagai elemen penting dalam pembangunan bandar hijau dan lestari.

Justeru itu katanya, tumpuan pemantauan perlu diberikan kepada spesies pokok-pokok yang mempunyai rekod dan statistik kemerosotan atau tumbang yang tinggi.

"Kemerosotan sebenarnya tidak hanya berlaku pada pokok tua sahaja tetapi melibatkan pokok-pokok besar yang berada di kawasan persekitaran yang terganggu.

"Antara penyebab utama adalah kemerosotan adalah kecederaan pada fizikal pokok, kelemahan akar dan pereputan pangkal," katanya.



ABD LATIF MOHMOD

Sehubungan itu kata beliau, penglibatan ahli arboris yang berkepakaran dalam perihalan pokok sangat diperlukan untuk melakukan semakan serta penilaian terhadap kesihatan pokok.

"Misalnya kami di FRIM mempunyai arboris yang berkemampuan mengesan tahap pe-

reputan di dalam batang pokok dengan menggunakan peralatan khas seperti Sonic Tomograf atau Resistograf.

"Pemeriksaan di bahagian kol lar akar (root collar excavation) juga dapat menentukan kekuatan struktur pokok dan mengenal pasti risiko tumbang," katanya.

Tambah Abd Latif, FRIM bersedia memberi khidmat nasihat dan berkongsi kepakaran kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) khususnya dalam aspek perancangan, pengurusan dan penyelenggaraan pokok-pokok landskap di ibu kota.